

PETIKAN TITAH

"BILAMANA kita sudah yakin bahawa Al-Quran itu semata-mata benar dan semata-mata selamat dari sebarang pemalsuan, maka sudah barang tentu tidak ada lagi alasan untuk kita tidak mahu

**MANISNYA IMAN**

"DAN Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya, ibunya telah mengandunginya dengan menanggung kelemahan dari awal mengandung hingga akhir menyusukannya dan tempoh

Rabu

10 Ogos 2005
5 Rejab 1426
Tahun 50 Bilangan 32

[Berita Utama](#)[Berita Ringkas](#)[Haluan](#)[Dari Sidang Pengarang](#)[Analisis](#)[Melirik Masa Silam](#)[Aneka Rencana](#)[Fokus](#)[Suara Dari Mimbar](#)[Menuju Keredaan Allah](#)[Teropong Pelita](#)[Bicara IT](#)[Minda Pembaca](#)[Remaja](#)[Menjana Kesihatan Biskita](#)[Pendidikan](#)[Arena Sukan](#)[Iklan-iklan Jawatan Kosong](#)[Iklan-iklan Tawaran](#)[Arkib](#)**TAHUKAH AWDA?**

MENURUT Jadual Kedua Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27, Seksyen 27 (a), hukuman bagi kesalahan menghalang pegawai yang diberikan kuasa untuk menjalankan tugasnya ialah maksima tiga tahun penjara, denda \$5,000 atau kedua-duanya sekali; minima enam bulan penjara, denda \$1,000 atau kedua-duanya sekali. Manakala di bawah Seksyen 27 (b), hukuman bagi kesalahan gagal untuk mematuhi arahan yang diberikan ialah maksima tiga tahun penjara, denda \$5,000 atau kedua-duanya sekali; minima enam bulan penjara, denda \$1,000 atau kedua-duanya sekali. Sementara di bawah Seksyen 27 (c), hukuman bagi kesalahan gagal memberikan maklumat yang diperlukan ialah maksima tiga tahun penjara, denda \$5,000 atau kedua-duanya sekali; minima enam bulan penjara, denda \$1,000 atau kedua-duanya sekali. - Sumber: *Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Perdana Menteri. [J BKN (C)/21.6. (23 Julai 2005: 2 & 3).*

Pelita Brunei Online

HALUAN

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam di Majlis Pelancaran Persidangan Kebangsaan dan Laman Web Persatuan Siswazah Wanita (PWS) di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas pada 10 Julai 2005.

MASALAH KANAK-KANAK WAJAR DIBERIKAN PERHATIAN

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim*

ALHAMDULILLAH segala puji dan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita beramai-ramai hadir di majlis yang penuh berkebakikan ini.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kaum kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu beta dengan tulus ikhlas ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Tadbir Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam kerana menjemput beta hadir bagi menyempurnakan perasmian persidangan yang dianjurkan oleh persatuan ini.

Beta merasa amat sukacita mengetahui mengenai perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai oleh persatuan ini dalam mengendalikan projek-projek yang bersifat profesional dan ilmiah serta yang bersangkutan-paut dengan hak dan kepentingan wanita dan isu-isu kekeluargaan termasuk pemeduliaan terhadap kanak-kanak yang dijadikan sebagai tumpuan utama persidangan pada hari ini.

Tema persidangan ini yang menentang isu-isu semasa yang dihadapi oleh wanita dan kanak-kanak, adalah sangat relevan untuk dibincangkan bersama bagi mewujudkan kesedaran dan meningkatkan tahap penglibatan serta komitmen yang tinggi daripada segenap lapisan masyarakat bagi sama-sama memikul tanggungjawab khususnya dalam membantu menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh kanak-kanak.

"Beta berpendapat bahawa pemeduliaan terhadap nasib dan masalah-masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak memang wajar diberikan perhatian yang serius.

Kefahaman yang mendalam mengenai isu dan masalah-masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak di pelbagai peringkat individu dan lapisan masyarakat akan mampu menawarkan beberapa penyelesaian konkrit ke arah usaha untuk menjadikan kehidupan mereka lebih terjamin di masa hadapan, insya-Allah.

Seperti yang kita sedia maklum bahawa perkembangan pesat melalui pemodenan dari pelbagai dimensi telah menghasilkan perubahan yang beraneka skala dan rupa.

Fenomena seperti ini boleh mempengaruhi persekitaran di mana kanak-kanak kita membesar.

Ini menjadikan tugas mendidik dan membesarkan anak-anak satu cabaran yang amat besar khususnya bagi ibu bapa.

Sering kali kita mendengar kejadian-kejadian negatif menimpa sebilangan kanak-kanak, umpamanya terbabit dalam masalah sosial, penderaan, penafian hak, pengabaian dan sebagainya yang barang setentunya menjejaskan tingkat kecerdasan, keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak.

Jika isu seperti ini tidak ditangani dengan penuh prihatin dan bijaksana, ia akan membawa kesan buruk kepada perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak itu sendiri, terutama dari segi akhlak dan emosi mereka.

Justeru itu adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa khususnya dan masyarakat umumnya untuk memastikan perkara-perkara seperti ini tidak dibiarkan berlaku dalam sama-sama memastikan mereka menjalani pembentukan insan yang sempurna, kerana kanak-kanak kita adalah merupakan generasi masa depan kita dan merekalah yang bakal menjadi pemimpin di dalam pembangunan negara pada masa akan datang.

Beta mengucapkan syabas kepada Persatuan Siswazah Wanita di atas daya usahanya menganjurkan persidangan ini.

Persidangan ini memberikan para pesertanya peluang keemasan untuk menimba ilmu pengetahuan serta berkongsi pengalaman dan mendapatkan maklumat-maklumat yang berfaedah ke arah sama-sama mencari jalan untuk menangani masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh kanak-kanak pada masa ini.

Beta juga ingin mengucapkan syabas kepada persatuan ini kerana berjaya menubuhkan laman webnya sendiri yang akan dilancarkan bersama dengan perasmian persidangan ini.

Akhirnya, beta sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam atas usaha gigih mereka dalam mengukuhkan persidangan yang sangat berkebakikan ini.

Adalah diharapkan resolusi dari persidangan ini nanti akan dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak yang berkaitan dalam usaha untuk mencemerlangkan masa hadapan kanak-kanak kita.

Dengan melafazkan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim serta selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, beta dengan amat sukacita merasmikan persidangan 'ANAK KITA: MASA DEPAN KITA' dan melancarkan Laman Web Persatuan Siswazah Wanita.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.